

Rujukan kami: UMPSA.03.08/100 1/3/2(9)

Tarikh: 30 Ogos 2024

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBr./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.7 TAHUN 2024
PERKHIDMATAN PANEL MESIN PENYALIN DIGITAL DI UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.7 Tahun 2024 berkenaan Perkhidmatan Panel Mesin Penyalin Digital Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah untuk makluman dan tindakan YH./ YBhg./ YBr./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang



اوپنورسیتی ملیسیا فهیج السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PEKELILING BENDAHARI BIL. 7 TAHUN 2024

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt. wbt,
YH./ YBhg./ YBrS./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERKHIDMATAN PANEL MESIN PENYALIN DIGITAL DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bahawa Universiti telah melantik syarikat bagi Panel Perkhidmatan Mesin Penyalin Digital di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti Bil. 2 Tahun 2024 telah meluluskan pelantikan dua (2) syarikat panel bagi tempoh lima (5) tahun melalui kontrak UMPSA/BEND/SH/2024(2): Perkhidmatan Panel Mesin Penyalin Digital Di UMPSA.
- 2.2 Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, PTJ tidak dibenarkan menguruskan perkhidmatan melalui syarikat lain dan hendaklah menggunakan perkhidmatan melalui syarikat yang dilantik seperti maklumat dalam **Lampiran 1**.

3.0 PERKHIDMATAN PANEL MESIN PENYALIN DIGITAL

- 3.1 PTJ hendaklah memohon dan menyemak perincian spesifikasi yang bersesuaian dengan Unit Perolehan, Jabatan Bendahari dengan mengisi borang di **Lampiran 2** termasuk melengkapkan maklumat yang diperlukan;
- 3.2 Selepas semakan dan kebenaran diperolehi, PTJ hendaklah menghubungi pihak syarikat bagi membuat tempahan. Contoh surat untuk permohonan baharu kepada pihak syarikat panel yang dilantik seperti di **Lampiran 3**;
- 3.3 PTJ hendaklah mengeluarkan Pesanan Tempatan pada setiap awal tahun dengan nilai anggaran kos cetakan setahun berdasarkan peruntukan yang diluluskan. Nombor rujukan kontrak hendaklah dimasukkan semasa permohonan Pesanan Tempatan secara dalam talian;
- 3.4 PTJ hendaklah mengesahkan bacaan meter dan inbois yang dikeluarkan oleh syarikat dan menguruskan pembayaran setiap bulan mengikut proses bayaran yang sedang berkuatkuasa. Universiti berhak untuk tidak membuat pembayaran bacaan meter selain daripada syarikat panel mesin fotostat yang telah dilantik oleh Universiti;
- 3.5 PTJ hendaklah sentiasa melaksanakan perbelanjaan optimum agar nilai tahunan Pesanan Tempatan sentiasa mencukupi. PTJ hendaklah mengeluarkan Pesanan Tempatan baharu menggunakan sumber-sumber lain untuk menampung perbelanjaan sekiranya nilai Pesanan Tempatan asal tidak berbaki; dan
- 3.6 Sebarang pertanyaan bagi urusan ini, PTJ boleh merujuk kepada:
Unit Perolehan
Bahagian Khidmat Pengurusan Kewangan
Jabatan Bendahari UMPSA
No Tel : 09 431 5085
Email: mfp@umpsa.edu.my

4.0 TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 1 September 2024.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 30 Ogos 2024.

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

PANEL MESIN PENYALIN DIGITAL
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

No Kontrak : **UMPSA/BEND/SH/2024(2)**
Tajuk Kontrak : **PERKHIDMATAN PANEL MESIN PENYALIN DIGITAL DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**
Tarikh Mula : **01 JUN 2024**
Tarikh Tamat : **31 MEI 2029**
Tempoh Kontrak : **5 TAHUN**

BIL	NAMA & ALAMAT	MAKLUMAT SYARIKAT	
1.	GULPERS SDN. BHD. (837600-K) A9, Jalan IM 3/11 25200 Kuantan, Pahang	Nama untuk dihubungi	YM Tengku Roslizam bin Tengku Zainal Abidin
		No Telefon	Pejabat : 09-572 1132 Bimbit : 013-9803456
		Heavy Duty	Jenama KONICA MINOLTA Model ACCURIO PRINT 950i
		Medium	Jenama KONICA MINOLTA Model Bizhub C550i
2.	DAMAI URUSNIAGA SDN. BHD. (1063023-V) No. 17A, Medan Istana 7 Bandar Ipoh Raya, Kinta 30000 Ipoh, Perak	Nama Untuk dihubungi	Puan Nur Shiqen Fauzanni binti Saubari
		No Telefon	09-5179855 011-11953682
		Heavy Duty	Jenama CANON Model IR ADV 8505
		Medium	Jenama HP Model HP- Color Laserjet E700/800 series

KADAR CAJ KIRAAN METER:

JENIS MESIN	Jenis Cetakan & Caj Kiraan Meter/Salinan	
	Hitam/Putih (RM)	Berwarna (RM)
Heavy	0.10	-
Medium	0.10	0.45

**BORANG PERMOHONAN PERKHIDMATAN PANEL MESIN PENYALIN DIGITAL DI
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Nama Pemohon :
Jawatan :
PTJ/Fakulti :
Tarikh :
No Tel (Pej.):.....
No Tel (Bimbit):.....

Cadangan Jenama Mesin Penyalin Digital :
Cadangan Model Mesin Penyalin Digital :

** Sila rujuk Lampiran 1*

Cadangan Lokasi Tapak : 1.....
2.....
3.....

Bilangan Pengguna (Staf) :

**MAKLUMAT BACAAN MESIN PENYALIN DIGITAL TAHUN SEBELUMNYA :
TAHUN**

** Sila rujuk dengan Jabatan Bendahari*

BIL	JENAMA MESIN	MODEL MESIN	BACAAN METER (Kuantiti)	KOS KESELURUHAN (RM)
1.				
2.				
3.				
4.				
JUMLAH (RM)				

Tandatangan Pemohon:

Disokong Oleh :
(Dekan/Ketua Jabatan)

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

KELULUSAN JABATAN BENDAHARI

Anggaran Jumlah Yang Dibenarkan/Diluluskan : RM.....
Cadangan Jenama Mesin Penyalin Digital :
Cadangan Model Mesin Penyalin Digital:

Disahkan Oleh :

.....
Unit Perolehan
Jabatan Bendahari UMPSA
Tarikh :

Rujukan Kami :
Tarikh :

Nama Syarikat Panel
Alamat
No Telefon
No Fax/Email

Tuan/Puan,

**UMPSA/BEND/SH/2024(2): PERKHIDMATAN PANEL MESIN PENYALIN DIGITAL DI
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

- Permohonan Baru Bagi Mesin Penyalin Digital

Dengan segala hormatnya merujuk kepada Surat Setuju Terima bagi sebutharga ini bertarikh 07 Mei 2024 adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan penempatan baru bagi mesin penyalin digital adalah seperti seperti berikut:

Bil	Jenama	Model	Lokasi	Pegawai Bertanggungjawab & Telefon
1.				

3. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Unit Pentadbiran, PTJ di talian 09-431 XXXX. Sekian untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,

Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

s.k Pengurusan MFP
Unit Perolehan, Jabatan Bendahari